

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HSK 341 – Seminar Aliran Pensejarahan Terpilih

[Masa: 3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Bahaskan sejauhmanakah sejarah sosial, intelektual dan sejarah saintifik sebenarnya bukan merupakan bidang-bidang sejarah yang berasingan?
2. “Dengan mencabar teori bahawa terdapat perbezaan di antara fakta dan falsafah atau di antara fakta dan fiksyen, sejarawan boleh meluaskan definisi [sejarah], justeru boleh menjadikan disiplin itu lebih kreatif, berkeyakinan diri dan kritikal.” Lloyd S. Kramer, “Literature, Criticism and Historical Imagination” hlm. 102.
3. Tindak-tanduk manusia kerap didorong oleh nilai-nilai sosial dan *world view* mereka. Dengan menggunakan cerita-cerita rakyat Semenanjung, Sabah dan Sarawak, dapatkah anda menilai perkembangan sejarah sosio-budaya mereka?
4. Sejauhmanakah tafsiran tentang simbol-simbol, tanda-tanda dan alamat dapat digunakan untuk mengkaji sejarah budaya masyarakat Malaysia?
5. Sejarah ketamaddunan masyarakat bawahan dapat dinilai dari tahap kepercayaan/agama mereka. Sejauhmanakah anda boleh menggunakan cerita-cerita rakyat Malaysia untuk menilai perkembangan ini.
6. Bahaskan sejauhmanakah cerita-cerita rakyat wujud sebagai fenomena konflik di antara kelas dalam sesebuah masyarakat?
7. Cerita-cerita rakyat merupakan ‘suara’ yang berkesan bagi masyarakat bawahan. Bahaskan.